

**MINIT MESYUARAT**  
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.3/2021**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**(MEDAC)**

Tarikh : 24 Disember 2021 (Jumaat)  
Masa : 9.30 – 11.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5  
MEDAC  
Kehadiran : Lampiran A

| Bil | Perkara   | Tindakan |
|-----|---|----------|
| 1.0 | <b>Perutusan Pengerusi</b>  |          |
| 1.1 | YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.3/2021.  | Makluman |
| 1.2 | YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa MBJ merupakan saluran komunikasi dua (2) hala di antara pihak pengurusan dengan wakil pihak pekerja di jabatan masing-masing. MBJ bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pengurusan MEDAC dan wakil pihak pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bermas untuk kepentingan dan kebaikan organisasi. | Makluman |
| 1.3 | YBhg. Datuk Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada pelantikan wakil ahli MBJ yang dilantik yang berkuat kuasa bermula 13 Disember 2021 sehingga 12 Disember 2023.  | Makluman |
| 1.4 | YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa:<br><ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Isu-isu yang berulang seharusnya diselesaikan dengan baik bagi memastikan kebajikan dan kepentingan semua warga dijaga.</li> <li>(ii) Bersama-sama mewujudkan hubungan harmoni di antara majikan dan pekerja dalam membincangkan isu-isu yang lebih relevan untuk kebajikan dan kesejahteraan warga MEDAC.</li> </ul>   | Makluman |

| Bil        | Perkara  | Tindakan |
|------------|--|----------|
|            | (iii)Memperkenalkan elemen inovasi dan produktiviti dalam bidang kuasa dan fungsi MBJ bagi menggalakkan Pihak Pekerja bersama dengan Pihak Pegawai bersama-sama berbincang peningkatan penyampaian perkhidmatan.   |          |
| <b>2.0</b> | <b>PERUTUSAN NAIB Pengerusi</b>  |          |
| 2.1        | <p>YBrs. Timbalan Pengerusi mengucapkan terima kasih atas pelantikan semua wakil pekerja ahli MBJ yang baharu. YBrs. Timbalan Pengerusi juga memperkenalkan ahli-ahli baharu kepada semua ahli mesyuarat pada pagi ini.</p> <p>YBrs. Timbalan Pengerusi juga memaklumkan isu-isu yang dibangkitkan ini adalah isu-isu yang berulang seharusnya diselesaikan dengan baik dan menang-menang.</p> <p>YBrs. Timbalan Pengerusi juga berharap isu-isu ini seharusnya dapat diselesaikan dengan baik mengambil kira kewajaran permohonan oleh wakil pekerja.</p>   | Makluman |
| <b>3.0</b> | <b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>  |          |
| 3.1        | <p><b>Kelayakan Tuntutan Parkir</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak BKP telah mengemukakan permohonan kepada JPA berhubung semakan perkara ini pada 18 Jun 2021, berdasarkan keputusan MBJ bil.1/2021.</p> <p>Pihak JPA melalui surat rujukan JPA.600-22/2/655 ( 3 ) bertarikh 14 Julai 2021 telah memaklumkan bahawa perkara ini merupakan perkara dasar dan tidak dibenarkan untuk dibincangkan melalui platform MBJ sebagaimana yang telah diperincikan di perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa JPA sedang dalam kajian bagi meneliti semula berkenaan perkara ini.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p> | Makluman |
| 3.2        | <p><b>Isu Pembahagian Lot Parkir</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh BKP bahawa agihan lot parkir di Blok E4/5 bagi warga MEDAC belum dilaksanakan sepenuhnya</p>  | BKP      |

| Bil | Perkara  | Tindakan |
|-----|--|----------|
|     | <p>memandangkan Sektor Tenaga, KeTSA baharu selesai berpindah dari Blok E4/5 pada November 2021 manakala Bahagian Bekalan Air (BBA) dijangka berpindah pada Januari 2022.</p> <p>Bahagian ini turut merujuk kaedah agihan tempat letak kereta (TLK) yang diamalkan oleh Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti berikut:</p> <p>Ketua Jabatan;</p> <p>Gred 48 dan ke atas;</p> <p>Pembantu Khas kepada Anggota Pentadbiran;</p> <p>Wakil MBJ / Bahagian;</p> <p>Setiausaha Pejabat;</p> <p>OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;</p> <p>Penghidap penyakit kritikal; dan</p> <p>Pegawai/staf yang mempunyai anak OKU yang memerlukan rawatan khas.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>   |          |
| 3.3 | <p><b>Kafeteria Kementerian</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kafeteria ini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p><b>i) <u>Kebersihan Kafeteria</u></b></p> <p>Bahagian ini dari semasa ke semasa membuat pemantauan terhadap kebersihan di Kafeteria yang melibatkan ruang makan dan dapur memasak. Hasil pemantauan mendapati kebersihan adalah di tahap memuaskan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara-perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p> <p><b>ii) <u>Harga Makanan</u></b></p> <p>Hasil pemantauan yang dilaksanakan oleh BKP mendapati pihak pengusaha kafeteria telah mempamerkan anggaran harga ke atas makanan berlauk di kafeteria.</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan bahawa harga yang dipamerkan adalah harga bagi makanan panas sahaja (<i>ala carte</i>). Bagi harga makanan t</p> | BKP      |

| Bil | Perkara  | Tindakan |
|-----|--|----------|
|     | <p>siap dimasak yang menjadi pertikaian bagi kadar harga tidak dipamerkan bagi maklumat warga MEDAC.</p> <p>Pihak pekerja telah membuat perbandingan dengan kafeteria KKM berkenaan harga makanan.</p> <p>Pihak pekerja juga mengambil maklum bahawa maklumat kalori dipamerkan di kafeteria.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>  |          |
| 3.4 | <p><b>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh BKP bahawa Mesyuarat Agung Tahunan pertama kelab akan diadakan pada Januari 2022.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>  | BKP      |
| 3.5 | <p><b>Pengurusan Makan Minum Bagi Mesyuarat</b></p> <p>Bahagian (BKP) ini telah melaksanakan kawalan dalaman bagi urusan makan minum mesyuarat di Kementerian. Kemudahan berkenaan hanya disediakan kepada mesyuarat yang dipengerusikan gred JUSA C dan ke atas manakala bagi mesyuarat yang dipengerusikan gred 54 dan ke bawah, air mineral dan biskut akan dibekalkan.</p> <p>BKew mengesyorkan permohonan pengecualian khas bagi Pengarah PKK Ibu Pejabat dan Negeri Gred (48 dan 44) yang mempengerusikan mesyuarat di atas kapasiti sebagai ketua di peringkat negeri dan melibatkan jemputan pihak luar seperti Ketua Jabatan di peringkat negeri dimajukan oleh PKK kepada BKew untuk pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal MEDAC.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi memutuskan agar perkara ini diselesaikan <b>selewat-lewatnya pada hujung bulan Januari 2022</b>.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>diselesai</b>.</p> | BKP      |
| 3.6 | <p><b>Sistem Kehadiran</b></p> <p>Mesyuarat dimaklum bahawa Sistem Kehadiran Pegawai (iHadir) MEDAC telah dinaik taraf dengan pengintegrasian teknologi <i>Face Recognition and Detection</i> (FDR) bagi warga Kementerian yang berada di Blok E4/5, Blok D5 dan Menara Usahawan (Putrajaya).</p>  | Makluman |

| Bil | Perkara  | Tindakan |
|-----|--|----------|
|     | <p>Penggunaan panel FDR khusus bagi pegawai yang hadir ke pejabat telah dilaksanakan mulai 1 November 2021 (sesi familiarisasi) dan digunakan sepenuhnya mulai 15 November 2021.</p> <p>Manakala bagi fungsi kehadiran Bekerja Dari Rumah (BDR), Bertugas Luar dan status Lain-lain masih perlu didaftarkan seperti biasa menggunakan peranti telefon pintar (iHadir Apps). Bagi lain-lain fungsi pada iHadir seperti semakan laporan kehadiran bulanan, mengemukakan alasan/justifikasi, makluman ketidakhadiran boleh dilaksanakan seperti biasa pada Sistem iHadir.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan tahiah atas kewujudan sistem FDR ini yang merupakan sistem yang cukup baik.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p> |          |
| 3.7 | <p><b>Bekalan Air Minuman Bagi Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil (SPPK) di Menara Usahawan</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa SPPK telah ditempatkan di Blok E4/5 MEDAC yang dilengkapi dengan penapis air untuk keperluan warga.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p>   |          |
| 3.8 | <p><b>Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang</b></p> <p>Majlis Apresiasi MEDAC 2021 yang bertujuan meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 telah selesai diadakan pada 1 Disember 2021 di Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh YB Menteri MEDAC.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p>   |          |
| 3.9 | <p><b>Penggunaan Borang Tuntutan Di HRMIS</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa penggunaan borang TNT HRMIS di MEDAC telah dilaksanakan secara berfasa. Untuk fasa pertama, pelaksanaan penggunaan borang TNT HRMIS telah dimulakan dengan Sektor Pengurusan bagi TNT Bulan Oktober 2021. Hebahan berhubung perkara ini telah dibuat oleh BPSM melalui emel bertarikh 15 Oktober 2021 dan pegawai/kakitangan Sektor Pengurusan yang</p>  | Makluman |

| Bil  | Perkara   | Tindakan |
|------|---|----------|
|      | <p>masih menggunakan borang manual telah diminta mengemukakan alasan secara bertulis.</p> <p>Untuk makluman, penggunaan TNT HRMIS di MEDAC adalah sehingga peringkat cetak sahaja memandangkan JPA belum memperluaskan pelaksanaan proses pembayaran TNT secara digital kepada Kementerian/Jabatan selain projek perintis.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p>   |          |
| 3.10 | <p><b>Rangkaian Internet dan e-mel</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh BPTM bahawa Untuk makluman, Internet dan rangkaian MEDAC adalah dibawah seliaan pihak MAMPU. Sebagai tambahan, BPTM sudah berbincang dengan pihak MAMPU untuk menjalankan kajian capaian wifi dan telah memohon penambahan liputan PCN Wifi Staff pada Januari 2022.</p> <p>BPTM juga menyarankan agar semua pengguna membuat aduan secara rasmi ke bpm.helpdesk kerana ianya penting sebagai penilaian dan statistik bagi tindakan seterusnya.</p> <p>BPTM juga memaklumkan bahawa kajian bersama MAMPU sedang dilaksanakan bagi mengenalpasti perkara ini. Laporan kajian ini dijangka akan dibenteng sebelum bulan Februari 2022.</p> <p>Pihak pekerja berharap agar perkara ini diselesaikan kerana rangkaian internet adalah perkara asas yang tidak sepatutnya berlaku terutama MEDAC berada di Putrajaya.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli</b>.</p> |          |
| 3.11 | <p><b>Perbekalan Kertas A4 di Stor Utama</b></p> <p>Isu pembekalan kertas A4 berlaku disebabkan pembekalan melalui kontrak pusat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang telah tamat tempoh. Walau bagaimanapun isu ini telah diselesaikan di MOF dan perolehan kertas A4 telah dilaksanakan secara berkala dan stok kertas A4 adalah mencukupi di MEDAC.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p>  |          |

| Bil | Perkara   | Tindakan |
|-----|---|----------|
| 4.0 | <b>PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU OLEH NAIB PENERUSI WAKIL PEKERJA</b>  |          |
| 4.1 | <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat 25 isu dikemukakan dengan ringkasan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Parkir (10 isu);</li> <li>ii. Persekitaran Bekerja Kondusif dan Kesihatan Mental (9 isu);</li> <li>iii. Kafeteria (2 Isu);</li> <li>iv. Baju seragam (2 isu); dan</li> <li>v. Keselamatan dan hal-hal lain (3 isu)</li> </ul>  |          |
| 4.2 | <p><b><u>Isu Parkir</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat 10 isu dibangkitkan berkenaan parkir.</p> <p>Pihak pekerja telah mencadangkan penyelesaian bagi perkara ini setelah membawa contoh dari Jabatan Perdana Menteri(JPM), Institut Sosial Malaysia KPWKM, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) JPM, KPDNHEP, Kompleks Mahkamah Syariah Kuala Lumpur dan hospital-hospital Kerajaan.</p> <p>Cadangan penyelesaian ini mengambil kira peratusan wang keluar bulanan bagi kumpulan sokongan melebihi 15% daripada gaji untuk setiap bulan berbanding kurang 5% dikeluarkan bagi pegawai. Kekangan ini mampu menjadi penyumbang kepada tingkah laku warga seperti tidak mempunyai motivasi hadir ke pejabat, masalah kewangan dan sebagainya.</p> <p>Sehubungan itu, pihak pekerja mencadangkan penyelesaian yang bersifat adil kepada semua warga seperti di <b>Lampiran B</b>. Cadangan ini termasuklah kuota bagi OKU, ibu mengandung, pelawat MEDAC dan hebahan kepada warga berkenaan kawasan parkir.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi mengarahkan tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bagi cadangan parkir ibu mengandung dan pelawat, YBhg Datuk Pengerusi mengarahkan agar pihak BKP melaksanakan tindakan serta merta bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan bersama;</li> <li>ii. Pihak BKP dimohon agar memastikan RELA melaksanakan tugas dengan baik agar dapat memastikan kenderaan diletakkan dengan betul dan sesuai;</li> </ul> | BKP      |

| Bil | Perkara   | Tindakan |
|-----|---|----------|
|     | <p>iii. supaya cadangan penyelesaian yang dibawa pihak pekerja diangkat bagi persetujuan YBhg. Dato' KSU MEDAC untuk tujuan pelaksanaan sebelum atau pada Februari 2022. Ini adalah bagi menjamin kebaikan semua warga MEDAC.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli dengan cadangan penyelesaian yang dikemukakan.</b></p>   |          |
| 4.3 | <p><b><u>Persekitaran Bekerja Kondusif dan Kesihatan</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat sembilan (9) isu berkaitan.</p> <p>Pihak pekerja dimaklumkan bahawa terdapat isu-isu berkenaan perkara berikut seperti karpit surau yang perlu ditukar, penukaran keluar MEDAC, bekerja dari rumah, sikap pegawai, budaya makan dan minum pagi, kepimpinan dan suasana bekerja.</p> <p>Pihak pekerja memaklumkan keadaan seperti tiada keseronokan bekerja, hubungan antara pegawai dan kakitangan bawahan adalah antara sebab berlakunya keadaan tidak harmoni di pejabat.</p> <p>Sehubungan itu, pihak pekerja telah mencadang penyelesaian seperti <b><u>Lampiran B.</u></b></p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi dan ahli mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh pihak pekerja seperti sesi town hall, <i>open day</i> setiap bahagian, <i>team building</i>, pelaksanaan EKSA dan konsep "<i>right person right place</i>" agar perkara ini dilaksanakan segera demi memastikan semangat berpasukan di dalam bahagian dan antara bahagian dan seterusnya merapatkan hubungan warga MEDAC.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli dengan cadangan penyelesaian yang dikemukakan.</b></p> | Makluman |
| 4.4 | <p><b><u>Kafeteria</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak pekerja isu berkenaan perkara ini merangkumi perkara berkenaan harga dan kebersihan seperti mana perkara berbangkit di para 3.</p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini diselesaikan bersama isu di para 3.3 berkenaan harga dan kebersihan kafeteria. Mesyuarat juga bersetuju dengan cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh pihak pekerja seperti <b><u>Lampiran B.</u></b></p>  | BPSM     |



| Bil | Perkara  | Tindakan |
|-----|--|----------|
|     | Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli dengan cadangan penyelesaian yang dikemukakan.</b>   |          |
| 4.8 | <p><b><u>Pakaian Seragam</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pakaian seragam yang dibekalkan terdapat isu berkenaan kualiti dan tempoh perolehan.</p> <p>BKP memaklumkan bahawa kelewatan perolehan adalah kerana daripada kekangan akibat pandemik COVID-19 yang berlaku.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi berharap perolehan pada tahun 2022 dilaksanakan segera bermula tahun ini dengan perancangan reka bentuk dan warna sebelum penyediaan speksifikasi bagi urusan perolehan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pihak pekerja seperti di <b><u>Lampiran B</u></b> agar pada bulan Januari 2022 persiapan bagi perolehan baju seragam dapat diselesaikan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli dengan cadangan penyelesaian yang dikemukakan.</b></p> | BKP      |
| 4.9 | <p><b><u>Keselamatan dan Hal-hal Lain</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa perolehan CCTV perlu diletakkan di kawasan strategik dan berisiko berikutan keselamatan aset-aset dan barangan bernilai di stor. Ini adalah salah satu pencegahan sebelum berlaku perkara seperti kecurian dan kehilangan aset dan bekalan kerajaan.</p> <p>Pelaksanaan urusan bayaran <i>cashless</i> dibuat di premis-premis jualan di MEDAC bagi memudahkan urusan jual beli dan sebagai sokongan kepada Kerajaan selain mengurangkan sentuhan dikala keadaan pandemik ini. Ini juga adalah selaras dengan usaha MEDAC dalam melaksanakan digitalisasi usahawan di peringkat negara.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli dengan cadangan penyelesaian yang dikemukakan.</b></p>    | BKP      |
| 5.0 | <b>PENUTUP</b>   |          |
|     | Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2021 ditangguhkan pada jam 11.15 pagi dengan persetujuan agar cadangan penyelesaian seperti di  |          |

| Bil | Perkara   | Tindakan |
|-----|---|----------|
|     | <u>Lampiran B</u> dan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi. |          |

**Disediakan oleh:**



Mohd Shafiq bin Bakar  
Setiausaha Bersama (Pegawai)  
3 Januari 2022

**Disediakan oleh:**




Muhammad Akram bin Kamaruddin  
Setiausaha Bersama (Pekerja)  
3 Januari 2022

**Disemak oleh:**



M. Saïd bin Kamis  
Naib Pengerusi MBJ MEDAC (Pekerja)  
3 Januari 2022

**Disahkan oleh:**



Datuk Haji Zamri bin Salleh  
Pengerusi MBJ MEDAC  
3 Januari 2022

**SENARAI KEHADIRAN**

**WAKIL PIHAK PENGURUSAN MEDAC**

1. YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh - Pengerusi Ganti  
TKSU (P)
2. Encik Saifuzzaman bin Manan  
SUB Sektor Dasar
3. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor  
SUBK Sektor Pengurusan
4. Puan Rohani binti Abdul Haziz  
KPSU (BPTM)
5. Puan Nor Fadila binti M Sapuan  
KPSU (BPSM)
6. Fatihah Izzati binti Saifuddin  
KPSU (Bkew)
7. Encik Ahmad Faizal bin Mohamad  
KPSU (BKP)
8. Puan Rohana binti Kamarul Ariffin  
Ketua Sekyen (PKK)
9. Encik Muhammad Zarif bin Azman  
PSU (BPSM)
10. Encik Mohd Shafiq bin Bakar - Setiausaha Pihak Pegawai  
PPT (BPSM)

**WAKIL PIHAK PEKERJA**

11. Encik M.Said Kamis - Naib Pengerusi  
KPSU (BPES)

12. Encik Mohd Yunus bin Minim  
KPSU (BLESS)

13. Encik Mohd Azlan bin Jaafar  
PSU (BPTM)

14. Encik Muhammad Akram bin Kamaruddin - Setiausaha  
PPT (BKew)

15. Puan Wan Nur Shahirah binti Zanol Aabidin  
PT (BPTM)

16. Encik Azizi bin Embee  
PO (BKP)

17. Encik Khusyairi bin Yunus  
PO (YBTM)

18. Encik Yazid bin Hassan  
PO (PKK Ibu Pejabat)

19. Encik Shamsul Bahri bin Sinan  
PO (PKK Pejabat)

### **URUSETIA**

20. Encik Amir Izham bin Alias  
PT (BPSM)